

Pahang keluar amaran tiga hari sebelum bencana alam

Kuantan: Kerajaan negeri akan mengeluarkan amaran banjir seawal tiga hari bagi membolehkan penduduk mengambil langkah berjaga-jaga menghadapi musim tengkujuh tahun ini.

Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, berkata ramalan banjir oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dibuat berdasarkan taburan hujan serta paras terkini sungai yang kemudian disalurkan kepada kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan negeri bekerjasama dengan Jabatan Penyiaran untuk menyebarkan maklumat ramalan banjir menerusi radio supaya mereka dapat membuat persediaan manakala pengumuman dibuat Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob.

"Ini kali pertama kita dapat beri ramalan banjir tiga hari lebih awal kepada orang ramai hasil kemampuan teknologi JMM dan JPS dalam memberi maklumat secepat mungkin," katanya kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri di sini, semalam.

Banjir dijangka tak besar

+ Beliau berkata, banjir kali ini dijangka tidak besar berbanding beberapa tahun sebelumnya yang menyebabkan ratusan ribu penduduk dipindahkan, selain merosakkan pelbagai kemudahan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan berlakunya banjir besar dan persediaan giat dilakukan menerusi 105 pangkalan hadapan serta penghantaran bekalan makanan.

Muhammad Safian berkata, seramai 10,300 penjawat awam diletak dalam keadaan berjaga-jaga menghadapi banjir berikutan musim tengkujuh dan seramai 5,100 daripadanya akan bertugas secara langsung bagi pemindahan serta menyelamatkan mangsa.

"Cuti semua penjawat awam terbabit dibekukan mulai 15 November ini sehingga 15 Januari tahun depan untuk memastikan proses membantu mangsa banjir berjalan lancar," katanya.